

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.**Soalan 1 hingga soalan 4**

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.	Islam / Iman / Ihsan
2	Cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan keindahan, cita rasa dan lain-lain.	Kesenian / Estetika / Kebudayaan
3	Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu-isu kewangan yang bersangkutan dengannya.	Ekonomi / Muamalat / Perniagaan
4	Berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi untuk melaksanakan pembaharuan.	Positif / Dinamik / Integriti

Soalan 5 hingga Soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Hudud	Qias	Allah SWT	Qisas
Manusia	Keselamatan	Perpaduan	Ijmak

5 Reda dan bersyukur merupakan contoh akhlak mahmudah kepada _____.

6 _____ bermaksud kesepakatan para mujtahid daripada kaum Muslimin dalam suatu masa atas hukum syarak.

7 Antara cara Islam memelihara nyawa ialah dengan mensyariatkan hukuman _____ kepada pembunuh supaya wujudnya keadilan.

8 Aspek _____ dalam Piagam Madinah bermaksud setiap kaum bertanggungjawab menjaga keamanan dan keharmonian negara.



Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan **Jenis Muamalat Islam**.


JENIS MUAMALAT ISLAM	SITUASI
M	Jiyyad membeli kereta secara pinjaman bank yang membiayai pembelian keretanya. Pihak bank menjual semula kereta tersebut kepadanya dengan harga pokok dan keuntungan. Ahmad dibenarkan membayar pinjaman keretanya secara ansuran.
N	Jabbar mendapatkan modal daripada rakan kongsinya bagi memulakan perniagaan melalui perkongsian. Keuntungan atau kerugian ditanggung bersama sebagaimana dipersetujui berdasarkan jumlah modal masing-masing.

9 M ialah _____

10 N ialah _____

Soalan 11 hingga soalan 12

Lengkapkan carta dibawah dengan jawapan yang betul berkaitan **Prinsip Negara Islam**.



11 H ialah _____

12 I ialah _____

Soalan 13 hingga soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan **Sifat Mustahil Bagi Rasul**.

Sifat Mustahil Bagi Rasul	Pernyataan
S	Pecah Amanah
Al Kizb	Berbohong
Al Kitman	Menyembunyikan
T	Bodoh

13 **S** ialah _____

14 **T** ialah _____

Soalan 15 hingga soalan 16

Lengkapkan jadual di bawah dengan **Jenis Diat** yang betul.

JENIS DIAT	KETERANGAN
Diat Berat	Membunuh dengan sengaja yang ada niat membunuh, tetapi waris mangsa tidak mahu qisas dijalankan dan menukar dengan diat.
L	Membunuh dengan tidak sengaja, tetapi seolah-olah sengaja. Contohnya seorang yang memukul orang lain dengan rotan, lalu mati.
M	Membunuh dengan tidak sengaja. Contohnya seorang pemburu tertembak orang lain yang disangkanya seekor rusa.

15 **L** ialah _____

16 **M** ialah _____

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 17 | Melakukan penyelidikan dan inovasi yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat merupakan satu tuntutan farduan. | ☐ |
| 18 | Antara fungsi akal ialah membimbing wahyu untuk membetulkan tatacara beribadat. | ☐ |
| 19 | Keuntungan dan kerugian dalam kegiatan ekonomi adalah perkara lumrah yang dialami oleh individu atau organisasi. | ☐ |
| 20 | Hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya merupakan salah satu etika hakim. | ☐ |



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

KETERANGAN	JENIS CIAT
• Melakukan dengan sangat yang tidak membantu tetapi yang sangat banyak untuk proses disiplin dan teknik dengan baik.	Disiplin
• Melakukan dengan tidak sangat tepat tetapi dengan sangat banyak.	
• Melakukan dengan tidak sangat banyak tetapi dengan sangat banyak.	
• Melakukan dengan tidak sangat banyak tetapi dengan sangat banyak.	

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

- 1 (a) Senaraikan dua rukun iman? [2 markah]

Allah SWT memiliki nama-nama yang indah Asma' Al Husna. Nama yang paling agung ialah Allah SWT.

Pernyataan A

Nilam seorang murid yang rajin, namun sering gagal dalam peperiksaan. Dia merasakan dirinya tidak lagi mempunyai harapan untuk berjaya.

Pernyataan B

- (b) (i) Berdasarkan pernyataan dan situasi di atas, nyatakan **satu** nama Allah SWT yang mampu memulihkan semula semangat Nilam apabila beliau menghayatinya. [1 markah]

- (ii) Terangkan sebab anda memilih nama Allah SWT tersebut. [2 markah]

- (iii) Apakah konsep akidah yang mengandungi aspek di atas? [1 markah]

- (iv) Pada pendapat anda, bagaimanakah penghayatan terhadap Asma' al Husna dapat membentuk peribadi murid yang teguh dan cemerlang di dunia dan akhirat? [4 markah]

- (c) Terangkan konsep ibadah yang mampu meneguhkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT. [2 markah]

- (d) Nyatakan dua prinsip asas sistem ekonomi Islam. [2 markah]

- (e) (i) Jelaskan dua ciri pekerjaan menurut Islam. [4 markah]

- (ii) Terangkan implikasi hidup tanpa pekerjaan. [2 markah]



- 2 (a) (i) Jelaskan maksud insan. [2 markah]

- (ii) Nyatakan empat keistimewaan insan. [4 markah]

- (b) Terangkan dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap pendidikan. [4 Markah]

- (c) (i) Senaraikan dua asas sistem perundangan Islam selain pencengahan. [2 markah]

- (ii) Huraikan kepentingan melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan manusia. [2 markah]



- (d) (i) Berdasarkan gambar di atas, nyatakan **dua** contoh bahan yang membawa kepada produk tersebut haram digunakan. [2 markah]

- (ii) Terangkan faktor yang mendorong berlakunya pengabaian sistem perundangan Islam dalam isu pemilihan produk kosmetik di atas pada masa kini. [4 Markah]

- 3 (a) Nyatakan **dua** keistimewaan sistem sosial Islam.

[2 markah]



- (b) (i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah situasi tersebut berlaku?

[1 markah]

- (ii) Pada pandangan anda apakah tindakan terbaik seorang ketua keluarga bagi mengatasi masalah ini?

[5 markah]

- (c) Nyatakan **dua** asas pergaulan dalam Islam.

[2 markah]

- (d) (i) Apakah maksud pengurusan Islam?

[2 markah]



(ii) Senaraikan **empat** ciri pentadbiran dan pengurusan Islam.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam kepada negara.

[4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan maksud akhlak menurut Islam. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** proses penyucian jiwa untuk mendapatkan akhlak mulia. [4 markah]

- (b) Senaraikan **empat** prinsip pandangan hidup Islam selain Thabat dan Murunah. [4 Markah]

- (c) (i) Apakah maksud muamalat dalam sistem kewangan Islam? [2 Markah]

- (ii) Nyatakan **dua** jenis muamalat berfokuskan kepada membantu orang yang memerlukan pembiayaan tunai segera atau perkhidmatan. [2 markah]



- (d) (i) Nyatakan **dua** institusi kewangan Islam selain daripada gambar di atas. [2 markah]

- (ii) Apakah kelebihan insitusi di atas terhadap umat Islam? [4 Markah]



- 5 (a) Jelaskan maksud wahyu. [2 markah]

Firman Allah SWT:

Dan kalaulah kebenaran itu tunduk mengikut nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi, serta segala yang ada.

(Surah al-Mu'minun 23:17)

Sumber A

Masyarakat Islam di Malaysia lemah penghayatan al-Quran

(Petikan artikel Sinar Harian Online: 06 Mei 2021)

Sumber B

- (b) (i) Berdasarkan **sumber A**, nyatakan **dua** contoh perlakuan yang membawa kebinasaan sebagaimana maksud ayat di atas. [2 markah]

- (ii) Merujuk kepada **sumber B**, apakah kesan yang akan berlaku sekiranya masalah tersebut tidak dibasmi dan dipandang remeh oleh umat Islam? [2 markah]

- (iii) Sebagai remaja muslim, huraikan cara untuk mengatasi masalah di atas. [4 markah]

(b) Terangkan **dua** matlamat Sistem Kehakiman Islam

[4 markah]

(c) (i) Jelaskan maksud takzir.

[2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** bentuk hukuman bagi kesalahan takzir.

[2 markah]

Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika terdapat keraguan hujah dan bukti supaya tidak berlaku penganiayaan

(d) Jelaskan peranan pembuktian dalam prosedur mensabitkan keterangan.

[2 markah]

- 6 (a) (i) Apakah maksud hiburan dalam Islam?

[2 markah]

Firdaus bersama tiga rakannya merancang program nyanyian sempena Sambutan Hari Guru peringkat sekolah.

- (ii) Nyatakan **dua** adab yang mesti dipatuhi oleh mereka sepanjang program tersebut.

[2 markah]

- (b) (i) Nyatakan **dua** contoh kesenian dalam Islam.

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** konsep kesenian dalam Islam.

[4 markah]



- (iii) Berikan **dua** sebab kesenian di atas boleh membawa kepada kesenian yang bertentangan dengan syariat Islam.

[4 markah]



- (c) Senaraikan **dua** ciri khalifah dalam sistem pemerintahan Islam. [2 markah]



- (d) Berdasarkan konsep khilafah Islamiyah, bagaimanakah pegangan prinsip di atas dapat menangani isu penghinaan kepada raja dan pemimpin? [4 markah]

SOALAN TAMAT

